

IPT digesa Tubuh Persatuan Integriti



Persatuan atau kelab-kelab integriti akan diwujudkan di universiti-universiti bagi menyediakan satu platform untuk membolehkan para mahasiswa memainkan lebih banyak peranan dalam program-program pemantapan integriti di kampus.



Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata ketika ini antara inisiatif bagi memperkenalkan isu-isu integriti di universiti-universiti adalah melalui program debat yang dianjurkan Institut Integriti Malaysia (IIM), dan ia dilihat perlu diperluaskan lagi di kalangan pelajar-pelajar lain.

Beliau berkata itu sebabnya beliau menyambut baik cadangan presiden IIM Datuk Dr Mohd Tap Salleh supaya pelajar-pelajar ini terlibat dalam soal-soal penyebaran nilai integriti, dan dilantik sebagai "Duta Integriti". "Untuk itu, mungkin perlu para pelajar menubuhkan kelab integriti atau Rakan Integriti Malaysia. Saya juga percaya perlu dikreditkan (diberi markah) penglibatan pelajar dalam program integriti ini bagi menarik minat mereka," katanya selepas menyaksikan Pertandingan Akhir Debat Perdana Integriti Malaysia 2010 yang berlangsung di Dewan Resital, UMS.

Hadir sama Pembantu Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Sabah, Datuk Bolkihah Ismail; Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM), Datuk Dr. Mohd. Tap Salleh; Naib Canselor UMS, Brig. Jen Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj Ampon, dan Pengerusi Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (MADUM), Prof Datuk Dr Abdul Murad Abdul Razak.

Terdahulu dalam ucapannya pada majlis itu Datuk Mohamed Khaled berkata penekanan terhadap nilai-nilai integriti perlu diteruskan kerana tahap kesedaran masyarakat termasuk para pelajar terhadap nilai-nilai integriti masih di tahap yang

boleh diperbaiki. Beliau memberi contoh sebuah laporan kajian Exit Survey: Generic Students Attributes (GSA), yang menunjukkan graduan terlibat dalam soal selidik merekodkan tahap pencapaian yang paling rendah bagi elemen moral dan etika profesional, iaitu 73.3 peratus bagi wanita dan 57.7 peratus bagi lelaki.

"Perkara ini amat membimbangkan memandangkan elemen moral dan etika profesional merupakan elemen yang amat penting dalam membentuk sahsiah dan jati diri graduan yang cemerlang semasa di alam pekerjaan," ujarnya.

Sementara itu Pertandingan Debat Perdana Integriti yang dianjurkan buat kali keenam oleh IIM disertai oleh 27 pasukan yang terdiri daripada institut



pengajian tinggi awam dan swasta termasuk Institut Pendidikan Guru Malaysia menyaksikan pasukan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul sebagai juara dan menewaskan pasukan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang mendapat tempat kedua.

Pasukan UPM yang dianggotai oleh Mohd Syamsul Salleh, Ammar Redzuan Ahmad Rizal, Aminuddin Abd. Rahman dan Cecilia Evelyn Cornelius membawa pulang wang tunai bernilai RM 6,000 beserta piala masing-masing. Mohd Syamsul juga turut diumumkan sebagai pendebat terbaik, sekaligus menerima hadiah wang tunai RM 1,000 beserta piala.